

PGBF pastikan kehidupan lebih selesa, harmoni

Kuala Lumpur: Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) sedang giat dibangunkan dalam usaha memastikan generasi muda tanah rancangan itu menikmati kehidupan lebih selesa dan harmoni.

Bukan hanya pembinaan rumah baharu menerusi PGBF, FELDA juga membenarkan generasi kedua tanah rancangan itu membina rumah sendiri di atas tapak yang sama dengan peneroka asal.

Kertas Putih FELDA menyatakan langkah sedemikian dilaksanakan bagi mengukuhkan nilai kesepaduan dan hubungan kekeluargaan antara generasi lama dan sekarang.

“Aspek warisan dan hubungan saling menghormati dan bantu-membantu antara generasi akan dipertingkatkan,” kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, ketika membentangkan laporan itu.

Salah satu inisiatif terbaru dilaksana FELDA menerusi PGBF adalah menyiapkan projek terbengkalai yang berada pada tahap kemajuan kerja 70 peratus dan ke atas.

“Ini akan memberi manfaat kepada 4,794 keluarga generasi baharu untuk memiliki rumah.

“Pada masa sama, usaha-usaha pembinaan perumahan di kawasan FELDA akan dilaksanakan oleh entiti berkaitan kerajaan seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB),” jelasnya.

Kerajaan sebelum ini meng-

umumkan kelulusan sebanyak RM250 juta diberi bagi tahun ini untuk menyiapkan 4,794 unit rumah di bawah projek PGBF.

Mohamed Azmin berkata, dana yang diluluskan itu bukti keprihatinan kerajaan terhadap permasalahan perumahan generasi kedua FELDA yang terbengkalai sekian lama tanpa sebarang pembelaan.

Sementara Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Mohd Radzi Md Jidin, sebelum ini juga memberi komitmen bahawa 30 peratus lagi baki PGBF yang terbengkalai dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini.

Beliau menjelaskan kebanyakan rumah 70 peratus siap, namun berdepan masalah ekoran kekurangan peruntukan agensi terbabit.

Ketika sesi sidang Dewan Rakyat Mac lalu, dibangkitkan berkenaan isu PGBF di mana kerajaan memaklumkan bahawa FELDA memerlukan suntikan RM711 juta bagi meneruskan keseluruhan projek PGBF yang bermasalah.

Projek PGBF yang bermasalah itu membabitkan 30 tapak dengan jumlah rumah 6,816 unit.

Ketika pembentangan Bajet 2013, kerajaan terdahulu mengumumkan pembinaan PGBF dengan sasaran 20,000 unit dalam tempoh lima tahun dan FELDA akan menerima RM1.5 bilion, namun sehingga 2017, FELDA hanya menerima RM200 juta.



“Aspek warisan dan hubungan saling menghormati dan bantu-membantu antara generasi akan dipertingkatkan.”

Mohamed Azmin Ali,
Menteri Hal Ehwal Ekonomi.



Dr Mohd Radzi Md Jidin